Utusan Borneo: 30 Oktober 2026

Ambil dadah berulang kali, penghantar makanan kena lima tahun, satu sebatan

KUCHING: Gara-gara mengambil dadah berulang kali, seorang penghantar makanan dijatuhi hukuman penjara lima tahun dan dikenakan satu sebatan di Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Hakim Noorhisham Mohd Jaafar memerintahkan hukuman penjara bagi Zaharudin Raga, 42, untuk dikuatkuasakan mulai dari tarikh tangkap iaitu pada 27 Oktober 2026.

Noorhisham juga mengarahkan Zaharudin untuk menjalani pengawasan polis selama tiga tahun selesai menjalani hukuman penjara.

Mengikut pertuduhan, Zaharudin didakwa memasukkan dadah amphetamine dan methamphetamine ke dalam badannya dan pada masa yang sama, dia mempunyai dua rekod lampau di bawah Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952, masing-masing dilakukannya pada tahun 2023.



KE PENJARA: Zaharudin (kiri) diiringi polis keluar dari kamar Mahkamah Sesyen Kuching, semalam selepas dijatuhkan hukuman.

Kesalahan itu dilakukannya sekitar jam 1.30 petang pada 11 Jun 2025, di pejabat Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah Kuching.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 15(1)(a) ADB 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 39C(1)(b) akta sama.

Seksyen 39C(1)(b) AD 1952 membawa hukuman penjara tidak kurang lima tahun dan tidak melebihi lima tahun dan dikenakan sebatan tidak lebih daripada tiga, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Abdurrahman Abrar Jarni sementara Zaharudin tidak diwakili peguam. Kes disiasat oleh Sarjan Keesy Teely.